

Media : Berita Harian

Date : 31 Dec 2023



## Ajinomoto (M) Berhad

melancarkan laman web Semua-Dalam-Satu Smart Cooking

**AJINOMOTO (M) Berhad (AMB)** telah melancarkan laman web Smart Cooking iaitu platform memasak Semua-Dalam-Satu yang mesra pengguna bagi keperluan individu berpengalaman atau sebaliknya dalam dunia kuliner. Platform ini memudahkan proses masakan dan menawarkan pengalaman yang menarik dalam dunia masakan. Laman Web Smart Cooking ini merupakan platform komprehensif yang menyediakan lebih 100 resipi sihat, lazat serta kreatif untuk pelbagai jenis

hidangan. Laman web ini juga tersedia dalam tiga Bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Mandarin.

Anda boleh memilih dan menyesuaikan hidangan anda dengan mudah berdasarkan bahan-bahan pilihan anda, kedaif, tahap penguasaan, tempoh memasak, dan saiz hidangan. Sistem pintar ini secara automatik akan mengira bahan-bahan yang diperlukan secara tepat untuk saiz hidangan anda.

Ia amat mudah dan memberikan anda inspirasi

untuk menyediakan makanan yang seimbang untuk sesi keluarga anda dan pada masa sama mengurangkan pembaziran makanan. Dalam dunia di mana kemampunan dan penggunaan sumber yang cekap semakin penting, meminimumkan sisa makanan telah menjadi keutamaan utama bagi kebanyakan isi rumah.

Selain itu, dengan menjadi ahli, anda boleh menikmati pelbagai keistimewaan, termasuk menjumpai mata dengan setiap interaksi di laman

web dan menukarnya dengan hadiah eksklusif. Selain itu, anda kini boleh membeli produk Ajinomoto secara terus dari laman web dan kami akan menghantarnya ke rumah anda.

Dengan inisiatif ini, AMB ingin merevolusikan perjalanan kuliner anda dengan menyediakan produk yang ringkas dan mudah di mana setiap hidangan akan menjadi kenangan abadi bersama keluarga secara tidak langsung membantu anda memahami moto kami iaitu "Eat Well, Live Well."